

D712

U B022 AAB
MAHATHIR - TELUK R R R

KUALA LUMPUR, 31 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MELAHIRKAN RASA SYUKURNYA DI ATAS KEPULANGAN KUMPULAN TERAKHIR 90 RAKYAT MALAYSIA DENGAN SELAMAT DARI KAWASAN TELUK YANG DILANDA KRISIS AKIBAT PENAKLUKAN IRAQ KE ATAS KUWAIT 2 OGOS LEPAS.

BELIAU BERKATA KERAJAAN PADA MULANYA KHUATIR SAMA ADA RAKYAT MALAYSIA DAPAT BALIK ATAU TIDAK TETAPI DENGAN USAHA WISAMA PUTRA DAN BEBERAPA PIHAK LAIN DAPAT MENGELUARKAN MEREKA YANG TERKANDAS DARI KUWAIT KE BAGHDAD KEMUDIAN KE AMMAN DAN SETERUSNYA MEMBAWA MEREKA PULANG.

+INI SESUATU YANG HARUS KITA BERSYUKUR KERANA TIADA ADA SESIAPA YANG MENGALAMI APA-APA KEMALANGAN,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA MENYAKSIKAN PESTA PERDANA HARI KEBANGSAAN 1990 DI DATARAN MERDEKA AWAL PAGI INI.

UPACARA ITU DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM).

BEBERAPA MINIT SEBELUM ITU, KUMPULAN RAKYAT MALAYSIA ITU BERSAMA-SAMA 43 ORANG RAKYAT ASING SELAMAT TIBA DENGAN SEBUAH PESAWAT KHAS ROYAL JORDANIAN AIRLINES DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SUBANG PADA KIRA-KIRA 12.45 TENGAH MALAM (30 OGOS). -- LAGI
0240MST 31 08 90

D713

U B023 AAB
MAHATHIR - TELUK 2 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA SELEPAS BERJAYA MENYELAMATKAN RAKYAT NEGARA INI, MALAYSIA JUGA MENGAMBIL BERAT TENTANG NASIB RAKYAT ASING TERUTAMANYA DARI NEGARA-NEGARA SAHABAT YANG MASIH BERADA DI KAWASAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BANGLADESH TELAH MEMINTA PERTOLONGAN MALAYSIA UNTUK MENGELUARKAN RAKYATNYA KIRA-KIRA 100,000 ORANG YANG BERADA DI JORDAN DAN TURKI.

+KITA SUDAH BERUSAHA MENDAPATKAN SEBUAH KAPAL TERBANG UNTUK MEMBANTU MENGELUARKAN MEREKA DARI SITU,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN YANG PENTING SEKARANG ADALAH UNTUK MEMBAWA KELUAR MEREKA YANG TIDAK TERLIBAT DALAM PEPERANGAN ITU.

PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP USAHA-USAHA OLEH SETIAUSAHA AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB), ENCIK JAVIER PEREZ DE CUELLAR UNTUK Mencari penyelesaian krisis itu dapat mengurangkan ketegangan di timur tengah.

+KITA BERHARAP PERTIKAIAN ITU DAPAT DISELESAIKAN MELALUI RUNDINGAN TANPA MELIBATKAN KEMALANGAN ATAU PEPERANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA YANG JUGA MERUPAKAN NEGARA SAHABAT,+ TAMBAHNYA. -- LAGI

0243MST 31 08 90

D715

U B024 AAB
MAHATHIR - TELUK 3 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA TELAH MEMAINKAN PERANANNYA MELALUI MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU DENGAN MENENTUKAN TINDAKAN YANG DIAMBIL TIDAKLAH SECARA GOPOH-GAPAH TETAPI BERPANDUKAN KEPADA PIAGAM PBB.

MALAYSIA AKAN TERUS MEMAINKAN PERANANNYA BAGI MENYELESAIKAN KRISIS TELUK, TEGASNYA.

KIRA-KIRA 100,000 RAKYAT DARI PELBAGAI LAPISAN HIDUP MENYAKSIKAN PESTA PERDANA ITU. -- BERNAMA
0245MST 31 08 90